

12/11/2001

Panel Tabung Haji mesyuarat sebulan sekali

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji yang baru ditubuhkan dua bulan lalu, akan mengadakan mesyuarat sebulan sekali bagi menilai dan mengkaji pelaburan yang dilaksanakan badan itu.

Sumber Tabung Haji berkata ahli panel pelaburan itu dikehendaki menghadiri mesyuarat berkenaan bagi membincangkan dengan lebih lanjut pelaburan yang dibuat.

Setakat ini, katanya, baru dua mesyuarat diadakan iaitu pada bulan lalu dan semalam.

"Pada peringkat ini, ahli panel pelaburan diberikan taklimat maklumat apa yang berlaku dalam pelaburan Tabung Haji. Dan perkembangan pelaburan akan dipantau sentiasa," katanya kepada Berita Harian, di sini, hari ini.

November lalu, lapan tokoh yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syarie dan kewangan diumumkan sebagai anggota panel pelaburan Tabung Haji.

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail dilantik sebagai pengerusi panel itu.

Mereka yang menganggotai panel itu adalah Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Mohd Bakke Salleh; Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman; Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Dr Abd Malek Awang Kecil; Pengarah Eksekutif MBF Holdings Berhad, Azizan Abdul Rahman.

Ketua Pegawai Kewangan Telekom Malaysia, Abdul Wahid Omar dan dua ahli perniagaan, Datin Paduka Zahridah Ismail dan To' Puan Dr Hayati Mohammad.

Rombakan panel pelaburan Tabung Haji diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos lalu selepas Tabung Haji didapati mengalami kerugian akibat pelaburan "kurang bijak".

(END)